

TERJEMAHAN IDEOGRAM “TUA” KE BAHASA ARAB DALAM SAJAK *SI TUA SEPI DI SUNGAI YARRA: ANALISIS TEORI RELEVANS*

¹Ijlal Saja @ Mearaj,² Maheram Ahmad & ³Mohd Arif Nazri
Pusat Kajian Bahasa Arab dan Tamadun Islam
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Email: sajaijlal@gmail.com, maheram@ukm.edu.my, suzail@ukm.edu.my

Abstrak - Karya sastera seperti novel, hikayat, cerpen, prosa dan puisi dapat diperluas hingga ke peringkat antarabangsa dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa asing. Walaupun cara ini memberi impak besar kepada Malaysia, tetapi kajiannya masih pada tahap yang rendah. Kajian ini bertujuan untuk (a) menganalisis makna sebenar ideogram tua dalam sajak *Si Tua Sepi Di Sungai Yarra*. (b) Menilai kaedah penterjemahan ideogram yang digunakan penterjemah ke bahasa Arab. Kajian kualitatif ini mengaplikasikan teori relevans untuk menganalisis data. Pensampelan bertujuan dipilih. Pengumpulan data terdiri daripada data primer dan sekunder. Data dikodkan mengikut susunan sajak dan rangkap. Hasil kajian menunjukkan bahawa terjemahan dilakukan secara mudah dan senang difahami oleh pembaca sasaran. Mengesyorkan aspek yang sama tetapi kepada sajak lain untuk kajian akan datang.

Katakunci: *Terjemahan Ideogram Tua, Terjemahan Bahasa Melayu Ke Bahasa Arab, Analisis Teori Relevans*

I. Pendahuluan

Adat atau tradisi biasanya dinamakan sebagai suatu ketentuan yang berlaku dalam masyarakat tertentu dan menjelaskan satu keseluruhan cara hidup dalam bermasyarakat (Husni Thamrin 2009). Tradisi mempunyai dua makna pertama, adat kebiasaan turun temurun yang masih dijalankan masyarakat. Kedua, penilaian atau anggapan bahawa cara-cara yang telah ada merupakan cara yang paling baik dan benar (Tim Penyusun Kamus Besar Bahasa Indonesia 1998). Oleh itu, tradisi merupakan istilah umum untuk menunjuk segala sesuatu yang hadir menyertai masa sekarang (Rumadi 2007). Pada zaman moden ini, masih banyak tradisi yang tetap dipertahankan secara turun temurun dari nenek moyang hingga ke anak cucunya pada suatu masyarakat. Demikian juga yang terjadi di Dusun Rentang, Desa Ganti, Lombok, Indonesia. Di Dusun Rentang Posan ini memiliki nilai yang sangat suci dan keramat bagi pandangan masyarakat Islam Wetu Telu yang masih mempercayainya. Tujuan dari pesaji ini ialah bentuk rasa syukur masyarakat Islam Wetu Telu kepada Allah SWT ke atas rezeki yang diberikan oleh Allah SWT dan mencari berkat dari Allah SWT dan berharap kelancaran dalam acara posan, pesaji ini biasanya dilakukan pada acara posan. Proses ini terjadi sudah sangat lama, boleh dikatakan sudah berasal daripada nenek moyang mereka yang mempercayai adanya pemikiran-pemikiran yang bersifat keagamaan dalam acara tersebut. Kegiatan ini dilaksanakan oleh masyarakat Islam Wetu Telu untuk mencapai sesuatu keinginan atau terkabulnya doa yang dihajati oleh keluarga yang membuat acara posan dan semoga Allah SWT menambahkan rezeki yang berkat, selamat di dunia dan di akhirat.

II. Pernyataan Masalah

Karya sastera seperti novel, hikayat, cerpen, prosa dan puisi dapat diperluas hingga ke peringkat antarabangsa dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa asing. Kesannya, masyarakat luar mengetahui keunikan dan keindahan seni orang Melayu. Walaupun cara ini banyak memberi impak besar kepada Malaysia, tetapi terjemahan karya sastera daripada bahasa Melayu kepada bahasa asing masih rendah bilangannya terutama terjemahan bahasa Arab, berbanding terjemahan karya sastera daripada bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu membuktikan bahawa sejak tahun 1995 hingga 2012, terdapat hanya 23 buah karya Melayu sahaja yang diterjemah dan diterbitkan ke dalam bahasa Arab (Noorsyuhadah & Maheram 2012). Malah, genre sajak paling sukar diterjemahkan sehingga mengambil masa yang sangat panjang (Nicolescu, 2012; Arif Kharki, 2016). Rentetan permasalahan ini, antara punca sajak sukar diterjemahkan kerana sajak itu sendiri sarat dengan bahasa kiasan dan sangat berkait rapat dengan penggunaan ideogram sehinggalah kajian sajak sering diketepikan (Pedersen 2015) dan Kamarova (2014). Justeru, kajian ini cuba mengenal pasti permasalahan yang timbul mengenai penterjemahan ideogram dalam teks terjemahan sajak dan mencari penyelesaian ke atas permasalahan tersebut. Seterusnya menentukan suatu kaedah penterjemahan puisi yang diperlukan pada konteks masa kini.

Maka objektif yang timbul seperti menganalisis makna sebenar ideogram tua dalam sajak *Si Tua Sepi Di Sungai Yarra* berpandukan teori relevans dan menilai kaedah penterjemahan ideogram yang digunakan penterjemah ke bahasa Arab.

III. Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Menurut Ahmad Munawwar dan Mohd Nor Shahizan (2015) menjelaskan, *numerical* tidak berlaku dalam kajian kualitatif dan memfokuskan aspek penceritaan berkualiti yang tersusun daripada tema-tema yang diperolehi. Kajian ini menggunakan analisis teori relevans yang diperkenalkan pada tahun 1986 oleh Sperber dan Wilson. Sampel data terdiri daripada teks terjemahan Melayu – Arab, iaitu sajak *Si Tua Sepi Di Sungai Yarra* oleh sasterawan negara; Kemala diterjemahkan kepada العجوز الوحيد في نهر يارى dengan pemilihan pensampelan bertujuan. Sajak ini terdapat dalam himpunan puisi bertajuk *Ayn* (Kemala, 2014) yang diterjemahkan kepada “عين”. Pensampelan bertujuan dipilih kerana sajak berkait rapat dengan ideogram. Menurut Ahmad Munawwar dan Mohd Nor Shahidan Ali (2015) pensampelan bertujuan dilakukan dengan menetapkan ciri-ciri tertentu yang dipilih. Pemilihannya pula mampu meningkatkan kualiti maklumat. Pengumpulan data terdiri daripada dua data primer iaitu ideogram daripada teks terjemahan. Data sekunder pula data yang diperolehi daripada tesis, buku-buku, kajian lepas, jurnal, seminar, prosiding, makalah dan sumber internet. Data dikodkan mengikut susunan sajak dan rangkap. Ahmad Munawwar dan Mohd Nor Shahizan (2015) menjelaskan, pengumpulan data boleh didapati melalui penelitian terhadap literasi kepustakaan, literasi kesusasteraan, manuskrip dan komunikasi menerusi media cetak, gambar atau visual penyiaran. Data primer di analisis berdasarkan teori relevans secara deskriptif. Manakala data sekunder dianalisis secara tematik. Menurut Dawson (2002), apabila data dianalisis secara tema, maka dipanggil tematik dan sangat induktif. Induktif bermaksud tema datang daripada.


A. Kerangka Teori

Kajian ini didasari daripada pengasas teori relevans, Sperber dan Wilson pada tahun 1986. Teori relevans menghuraikan bahawa bahasa figuratif menghasilkan mesej yang ingin disampaikan itu lebih berkesan dan bermakna. Ideogram juga merupakan bahasa figuratif kerana mengandungi unsur-unsur implisit atau tersirat. Menariknya, bahasa figuratif digunakan bertujuan supaya tidak menyinggung perasaan orang lain ketika sesuatu ujaran itu dikemukakan. Dengan penggunaan teori ini, unsur koheren sesuatu komunikasi yang terhasil daripada maklumat tersurat mahupun tersirat dalam situasi sesuatu ujaran dapat dikesan. Teori ini berdasarkan kepada tiga konsep terpenting iaitu tiga konsep penting yang didasari oleh teori relevan dalam mentafsirkan makna ialah konteks (set andaian), kesan konteks (hasil andaian paling relevan) dan kos proses (maklumat suatu ujaran diproses dalam minda manusia) (Nor Hashimah, 1999). Sebagai contoh, ujaran (maklumat) yang diterima, “Janganlah ikutkan sangat malas tu. Racunlah. Boleh rosak!”. Selepas mendengar ujaran ini, konteks (racun) akan diproses terus dalam minda manusia kerana manusia akan berfikir racun tikus kah?. Kemudian, akan menghasilkan set andaian seperti racun tikus atau penyakit malas. Oleh itu, hasilnya (kesan konteks) akan dipilih “penyakit malas” kerana lebih sesuai dengan maklumat yang diterima.

B. Kerangka Konsep

Kerangka konsep ini didasari daripada teori relevans diperkenalkan pada tahun 1986. Data diproses dengan menganalisis makna secara linguistik dan secara tersirat. Seterusnya menyenaraikan set andaian. Kemudian andaian paling relevan dipilih berdasarkan konsep kesan, konteks dan kos proses. Langkah seterusnya dengan menilai kaedah penterjemahan ideogram. Akhirnya, kajian ini dapat menghasilkan suatu cadangan terjemahan baru.

Menunjukkan Kerangka Konsep



IV. Hasil Kajian

Si Tua merupakan ideogram yang digunakan Kemala. Sebelum menganalisis makna Si Tua, maklumat Sungai Yarra perlulah diketahui. Kemala menghasilkan sajak ini di Melbourne pada tahun 1973 (Kemala 2014: 11). Jadi, sudah tentulah Sungai Yarra berada di Melbourne, Australia. Apakah istimewanya sungai ini sehingga Kemala menukilkan sungai ini dalam sajaknya. Menurut laporan kerajaan Victoria (2018), Sungai Yarra merupakan tempat tarikan bagi para pelancong luar dan merupakan sumber pengangkutan penduduk di situ sejak 400 million tahun lalu. Melbourne dikenali berdasarkan adanya Sungai Yarra. Lagipun, Sungai Yarra adalah pusat kepada watak dan identiti Melbourne. Pemandangannya yang cantik dan tenang membuatkan ramai orang berkunjung di sana. Oleh sebab Sungai Yarra tidak berada di negara pembaca sumber dan pembaca sasaran, dicadangkan agar tajuknya ditambah nota kaki di bahagian terjemahan. Hal ini disebabkan pembaca sasaran tertanya-tanya mengenai tajuknya walaupun Kemala meletakkan tempat dan tahun sajak itu dihasilkan. Dengan demikian, cadangannya ialah :

تقع في ملبورن، استراليا ومناطق الجذب السياحي

Setelah meneliti maklumat Sungai Yarra secara ringkasnya, maka makna Si Tua dianalisis daripada segi linguistiknya. Tua bermaksud “sudah lama hidup, sudah lanju usia, sudah berumur, orang yang sudah lanjut usianya” (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2016: 1715). العجوز berasal daripada perkataan العَجْرُ: ضعيف (*Lisan al-^cArab* 2003: 97, j6), bermakna “lemah, tua, berumur, tidak mampu melakukan” (*Kamus al-Khalil al-Islami Arab-Melayu* 2015: 808) dan jamaknya عَجَائِز, عَجْرُ, عَجْرُ (*Lisan al-^cArab* 2003: 97, j6). Lelaki tua disebut العجوز manakala wanita tua disebut العَجْزَة (*Lisan al-^cArab* 2003: 97, j6). Menurut *Kamus al-Khalil al-Islami Arab-Melayu* (2015: 808) العَجُورُ bermaksud “orang tua, orang lemah, arak tersimpan lama”. *Kamus al-Marbawi* (1935: 7, j2) pula menterjemahkannya kepada “perempuan tua, yang tua umur, atau yang panjang usianya”. Selain itu, العجور: الشَّيْخَةُ الهَرْمَةُ (*Lisan al-^cArab* 2003: 99) iaitu “tua bangka” (*Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu* 2015: 399). Seterusnya *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu* (2015: 399) menterjemahkan tua kepada شَيْخ ج شيوخ، عجوز، مُسِنَّ، كبير السن، مُتَقَدِّمٌ فِي السِّنِّ. Akhir sekali, *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (2015: 1515) menterjemahkan العجوز kepada “orang tua”. Al-Quran juga banyak ayat mengandungi perkataan tua iaitu seperti terjemahan di bawah.

1. Maksudnya :
Mereka menjawab: "Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, agar Dia menerangkan kepada kami, sapi betina apakah itu." Musa menjawab: "Sesungguhnya Allah berfirman bahwa sapi betina itu adalah sapi betina yang tidak tua dan tidak muda; pertengahan antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepadamu" (al-Baqarah: 68)¹
2. Maksudnya :
Mereka berkata: "Mohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami agar Dia menerangkan kepada kami apa warnanya". Musa menjawab: "Sesungguhnya Allah berfirman bahwa sapi betina itu adalah sapi betina yang kuning, yang kuning tua warnanya, lagi menyenangkan orang-orang yang memandangnya."(al-Baqarah: 69)
3. Maksudnya :
Apakah ada salah seorang di antaramu yang ingin mempunyai kebun kurma dan anggur yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; dia mempunyai dalam kebun itu segala macam buah-buahan, kemudian datanglah masa tua pada orang itu sedang dia mempunyai keturunan yang masih kecil-kecil. Maka kebun itu ditiup angin keras yang mengandung api, lalu terbakarlah. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepada kamu supaya kamu memikirkannya (al-Baqarah:266).
4. Maksudnya :
Nabi Zakaria berkata: Wahai Tuhanku! Bagaimanakah aku akan beroleh seorang anak, padahal sebenarnya aku telah tua dan isteriku pula mandul?, Allah berfirman: Demikianlah keadaannya, Allah melakukan apa yang dikehendakiNya (al-Imran:40).
5. Maksudnya :
Isterinya berkata: Sungguh ajaib keadaanku! Adakah aku akan melahirkan anak padahal aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah tua? Sesungguhnya kejadian ini suatu perkara yang menghairankan. (Hud:72).
6. Maksudnya :
Dan Allah yang menciptakan kamu (dari tiada kepada ada); kemudian Dia menyempurnakan tempoh umur kamu; (maka ada di antara kamu yang disegerakan matinya) dan ada pula di antara kamu yang dikembalikannya kepada peringkat umur yang lemah (peringkat tua kebudak-budakan), sehingga menjadilah dia tidak ingat akan sesuatu yang telah diketahuinya; sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa (al-Nahl: 70)
7. Maksudnya :
Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha" dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun) (al-Israk: 23).
8. Maksudnya :
Wahai umat manusia, sekiranya kamu menaruh syak (ragu-ragu) tentang kebangkitan makhluk (hidup semula pada hari kiamat), maka (perhatilah kepada tingkatan kejadian manusia) kerana sebenarnya Kami telah menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari setitik air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging yang disempurnakan kejadiannya dan yang tidak disempurnakan; (Kami jadikan secara yang demikian) kerana Kami hendak menerangkan kepada kamu (kekuasaan Kami) dan Kami pula menetapkan dalam kandungan rahim (ibu yang mengandung itu) apa yang Kami rancangkan hingga ke suatu masa yang ditentukan lahirnya; kemudian Kami mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian (kamu dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan (semasa kecil atau semasa dewasa) dan ada pula yang dilanjutkan umurnya ke peringkat tua nyanyuk sehingga dia tidak mengetahui lagi akan sesuatu yang telah diketahuinya dahulu dan (ingatlah satu bukti lagi); Engkau melihat bumi itu kering, kemudian apabila Kami menurunkan hujan menyimpannya,

¹ Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk. Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2013. Semua terjemahan al-Quran selepas ini dirujuk dalam sumber seperti yang dinyatakan ini.

bergeraklah tanahnya (dengan tumbuh-tumbuhan yang merecup tumbuh) dan gembur membusutlah ia, serta ia pula menumbuhkan berjenis-jenis tanaman yang indah permai (al-Haj: 5)

9. **Maksudnya :**
Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (Kaabah) yang tua sejarahnya itu (al-Haj: 29).
10. **Maksudnya :**
Kamu beroleh berbagai-bagai faedah dan kegunaan pada binatang ternak itu hingga ke suatu masa yang tertentu (bagi menyembelohnya); kemudian waktu menyembelohnya ketika sampai di tanah haram Baitullah yang tua sejarahnya itu (al-Haj: 33).
11. **Maksudnya :**
Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam atau hamba-hamba mereka atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya (an-Nur:31).
12. **Maksudnya :**
Dan mana-mana perempuan tua yang telah putus kedatangan haid, yang tidak mempunyai harapan berkahwin lagi maka tidak ada salahnya mereka menanggalkan pakaian luarnya, dengan tidak bertujuan mendedahkan perhiasan mereka; dalam pada itu perbuatan mereka menjaga kehormatannya (dengan tidak menanggalkan pakaian luarnya itu adalah) lebih baik bagi mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui (an-Nur:60).
13. **Maksudnya :**
Kecuali seorang perempuan tua tertinggal dalam golongan yang kena azab itu (an-Nur: 181).
14. **Maksudnya :**
Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, dia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing) dan dia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. dia bertanya: Apa hal kamu berdua? Mereka menjawab: Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya (al-Qasas: 23).
15. **Maksudnya :**
Kemudian salah seorang dari perempuan dua beradik itu datang mendapatkannya dengan berjalan dalam keadaan tersipu-sipu sambil berkata: Sebenarnya bapaku menjemputmu untuk membalas budimu memberi minum binatang ternak kami. Maka ketika Musa datang mendapatkannya dan menceritakan kepadanya kisah-kisah kejadian yang berlaku (mengenai dirinya) berkatalah orang tua itu kepadanya: Janganlah engkau bimbang, engkau telah selamat dari kaum yang zalim itu (al-Qasas: 25).
16. **Maksudnya :**
Allah yang menciptakan kamu bermula dengan keadaan lemah, selepas berkeadaan lemah itu Dia menjadikan kamu kuat. Setelah itu Dia menjadikan kamu lemah pula serta tua beruban. Dia menciptakan apa yang dikehendakiNya dan Dialah jua yang Maha Mengetahui, lagi Maha Kuasa (ar-Rum: 54).
17. **Maksudnya:**
Kecuali seorang perempuan tua tertinggal dalam golongan yang dibinasakan (as-Safat: 135).
18. **Maksudnya:**

Dialah yang menciptakan kamu dari tanah, kemudian dari (setitis) air benih, kemudian dari sebuku darah beku, kemudian dari seketul daging; kemudian Dia mengeluarkan kamu berupa kanak-kanak; kemudian kamu (dipelihara) hingga sampai ke peringkat umur dewasa; kemudian kamu (dipanjangkan umur) hingga sampai menjadi tua dan (dalam pada itu) ada di antara kamu yang dimatikan sebelum itu. (Allah melakukan kejadian yang demikian) supaya kamu sampai ke masa yang ditentukan (untuk menerima balasan) dan supaya kamu memahami (hikmat-hikmat kejadian itu dan kekuasaan Tuhan) (al-A;qir: 67).

19. Maksudnya :
(Sekiranya kamu tidak ditimpa azab di dunia), maka bagaimana kamu dapat menjaga dan menyelamatkan diri kamu kalau kamu kufur ingkar (dari azab) hari yang huru-harunya menyebabkan kanak-kanak menjadi tua beruban?(al-Muzammil:17).
20. Maksudnya :
Kemudian (jika dia panjang umur sehingga tua atau menyalahgunakan kelengkapan itu), Kami kembalikan dia ke serendah-rendah peringkat orang-orang yang rendah (at-Tin: 6).

Berdasarkan makna-makna yang dinyatakan, makna orang tua lebih dominan berbanding makna-makna lain. Meskipun begitu, makna ini kurang jelas lagi sama ada orang tua ini lelaki atau wanita kerana dalam sajak tersebut banyak watak seperti menceritakan siapakah Si Tua itu seperti “aku” iaitu Kemala atau “Sang Penyair” juga Kemala ataupun orang tua tidak dikenali berkunjung di Sungai Yarra. Pembaca keliru dengan watak Si Tua kerana sajaknya mempersembahkan pelbagai watak. Oleh itu analisis teori relevan diperlukan dalam data ini untuk mengupas makna yang tersirat. Antara andaian yang dapat dikenalpasti daripada ideogram Tua ialah (a) lelaki tua, (b) Penyair dan (c) Kemala. Andaian lelaki tua menjadi maklumat awal kerana Kemala merupakan seorang lelaki dan dikuatkan dengan rangkap “singgahlah sang penyair”. Si Tua pula sepi di Sungai Yarra. Merujuk rangkap “ingin kumenjadi camarputih”, “memagut serangga atau”, “cebisan roti. ah, pagutannya”, dan “asyik sekali. ya, sejak”, Si Tua ingin menjadi camar putih kerana boleh menghilangkan sepi yang disimbolkan kepada kebebasan boleh terbang ke mana-mana sahaja. Selain itu, Si Tua juga ingin menjadi seperti puisi yang dikarang oleh si gadis kerana seorang gadis boleh memecahkan kesepiannya dalam rangkap “aku kepingin menjadi puisi”, “damai dan bersatu dalam”, dan “karangan si gadis pemenuh”. Manakala rangkap seterusnya dapat menghiburkan hati yang keseorangan dengan amal ibadat kepada Allah dalam rangkap “bercumbulah dengan Tuhan”. Allah juga berfirman dalam Surah Hud ayat 23 :

Maksud:

Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang soleh, serta tunduk taat menunaikan ibadat kepada Tuhan mereka dengan khusyuk, mereka itulah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya.²

Oleh itu, Si Tua juga pergi bersiar-siar ke Sungai Yarra untuk menghilangkan kesepiannya, walaupun tidak dinyatakan dalam sajak. Faktor Si Tua ini sepi juga tidak dinyatakan dengan tersurat mengapa watak ini sepi. Tetapi diandaikan sepi kerana Kemala jauh daripada keluarga dan tanah airnya yang berada di Malaysia. Oleh itu, Si Tua ini disimpulkan bahawa Si Tua adalah Kemala. Maka terjemahan Si Tua kepada العجوز adalah disokong. Tambahan pula, tiada masalah dalam budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran kerana tua itu yang difahami adalah orang tua. Namun demikian, dicadangkan menambah *huruf jar* في dan watak Si Tua iaitu كمالا untuk menjelaskan lagi maknanya kepada pembaca sasaran iaitu العجوز الوحيد في نهر يارى كمالا. Teknik penterjemahan yang digunakannya ialah literal dan dicadangkan menggunakan terjemahan bebas iaitu menambah perkataan untuk menjelaskan makna. Teknik ini juga sama seperti teknik mengurangkan kekeliruan makna adalah dengan kaedah eksplisit iaitu menjelaskan ideogram dengan makna yang tersurat (Larson 1989: 143-190). Secara ringkasnya, hasil kajian di tunjukkan dalam Jadual 1 di bawah ini.

² Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk. Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2013.

Jadual 1 Dapatan kajian

Ideogram	Makna tersurat	Set andaian	Makna paling relevan	Kaedah terjemahan
Sungai Yarra: نهر يارى				Literal. Cadangan tambahan nota kaki.
Si Tua: العجور	(a) Lemah, tua, berumur, tidak mampu melakukan (b) Orang tua, orang lemah, arak tersimpan lama (c) Perempuan tua, yang tua umur, atau yang panjang usianya (d) Tua bangka (e) ضعيف (f) الشيخة الهرمة (g) شيخ ج شيوخ، عجوز، مسن، كبير السن، متقدم في السن.	(a) Lelaki tua (b) Penyair (c) Kemala	Kemala	Terjemahan langsung: pendekatan literal.

V. Penutup

Kesimpulannya, makna sebenar bagi ideogram tua ialah Kemala. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ujaran implisit yang digunakan Kemala adalah sangat halus dan penuh erti. Ideogram “tua” yang digunakannya pula penuh tersirat yang bertujuan untuk membawa pembaca kepada kesan dan nilai estetika secara tidak langsung untuk menghayatinya. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa, penterjemah memindahkan bahasa sasaran dengan mudah dan senang difahami pembaca sasaran. Pemindahan makna sangat dititik beratkan untuk difahami pembaca sasaran tetapi tidak banyak melanggar bentuk puisi dalam bahasa sasaran. Penterjemah menggunakan teknik terjemahan literal bagi ideogram tua → العجور. Hasil kajian menunjukkan bahawa, teknik literal dan teori relevans sebagai panduan dilihat bersesuaian dan wajar dipraktikkan untuk menterjemahkan istilah-istilah khusus seperti ideogram. Hal ini disebabkan teknik ini dapat memindahkan makna dengan lebih tepat kerana ideogram merupakan istilah-istilah khusus yang memerlukan pemindahan makna yang jelas dan tanpa ragu-ragu. Teknik ini juga memudahkan pembaca sasaran, dapat mengekalkan ciri teks asal dan bersifat terjemahan tulen. Hasil kajian ini diharapkan dapat menolak tanggapan bahawa sukarnya menterjemahkan ideogram yang mengandungi makna tersirat. Selain itu juga, dapat memberi sumbangan sedikit sebanyak sebagai panduan teknik penterjemahan ideogram kepada pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta yang sedang mendalami ilmu terjemahan khususnya terjemahan Melayu – Arab.

Rujukan

1. Ahmad Kamal Abdullah. (2010). *Simbolisme dan puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Ahmad Munawar Ismail, & Mohd Nor Shahizan Ali. (2015). *Mengenal kuantitatif & kualitatif dalam penyelidikan pengajian Islam*. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
3. Arif Karkhi, Abukhudairi. (2016). Translating poetry: Problems and solutions. *Jurnal Semat*, 4(3), 337-346.
4. Dawson, C. (2002). *Practical research methods a user-friendly guide to mastering research*. United Kingdom: How To Books.
5. Frutiger, A. 1988. *Sign and symbols their design and meaning*. Terj Adrew Bluhm. Germany : Weiss Verlag GmbH.
6. Kamarova, N. (2014). Swan As A Symbol Of Beauty And Purity In Kazakh Poetry. *Science Direct*, 140(2014), 422-426.
7. *Kamus al-Khalil al-Islami Arab – Melayu*. (2015). Kuala Lumpur: Firdaus Press Sdn. Bhd.
8. *Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Arab Bahasa Arab-Bahasa Melayu* (3th ed.). (2015). Selangor: Oxford Fajar.
9. *Kamus Besar Arab Melayu Dewan* (3th ed.). (2015). Kuala Lumpur: Penerbit DBP.
10. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (4th ed.). (2016). Kuala Lumpur: Penerbit DBP.
11. Kemala. (2014). *'Ayn*. Kuala Lumpur : Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
12. *Lisan al-^oArab*. (2003). Kaherah: Dar al-Ma^oarif.
13. Nicolescu, C. (2012). Statistics regarding the occurrence of the epithet in Romanian symbolist poetry. *Science Direct*, 46(2012), 4524 – 4528.
14. Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad. (2013). Tinjauan literatur penterjemahan novel Melayu ke bahasa Arab. *Islamiyyat : Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 37(2), 147-152.
15. Nor Hashimah Jalaluddin. (Ed.) .(1999). *Relevans komunikasi & kognisi*. Kuala Lumpur: Penerbit DBP
16. Pedersen, E. G. (2015). Semantics of the symbol: main theories about the symbol and the themes of symbols in Alexandru Macedonski's poetry. *Science Direct*, 180(2015), 586 – 592.
17. Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevans Komunikasi & Kognisi*. Terj. Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
18. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juzuk*. 2013. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

